

Pelbagai negara kecam

Um - 16/9/2006

KAHERAH 15 Sept. - Pemimpin-pemimpin Islam dari pelbagai negara semalam menyelar ketua gereja Roman Katolik, Pope Benedict XVI berhubung kenyataan beliau tentang Islam ketika kunjungannya ke Jerman dan menuntut beliau supaya meminta maaf.

Ketua Persaudaraan Islam di Mesir menyeru negara-negara Islam mengancam akan memutuskan hubungan dengan Vatikan kecuali jika Pope Benedict menarik balik kenyataannya.

Seorang pemimpin agama terulung di Turki mencadangkan agar Pope Benedict mempertimbangkan semula lawatan ke Turki yang dirancang November ini.

Beliau membuat kenyataan mengenai Islam dalam satu ucapan lalu membacakan petikan dari sebuah buku yang mengisahkan perbualan antara Maharaja Kristian Empayar Byzantine, Manuel Paleologos II dengan seorang cendekiawan Parsi mengenai kebenaran agama Kristian dan Islam.

"Maharaja bercakap mengenai isu jihad," katanya.

"Saya memetik kata-katanya, 'tunjukkan ajaran baru yang dibawa oleh Muhammad kepada saya dan dalam ajaran itu kamu hanya akan menemui perkara-perkara jahat dan kejam, seperti perintahnya supaya agama yang dibawanya disebarkan dengan pedang,'" kata beliau lagi.

Pope Benedict yang jelas menyedari beta-



ALI BARDAKOGLU

pa sensitifnya isu tersebut mengulangi 'saya memetik' sebanyak dua kali sebelum menyebut kata-kata maharaja mengenai Islam itu dan menyifatkannya sebagai 'kasar'.

Beliau tidak pula secara terang-terangan menyetujui atau menyangkal kata-kata maharaja tersebut.

Di Islamabad, Parlimen Pakistan hari ini meminta beliau menarik balik kenyataan kontroversinya yang mengaitkan Islam dengan keganasan, sementara pejabat luar negara pula memuduhkannya sebagai jahil.

"Kumpulan ini menuntut Pope Benedict menarik balik kenyataannya demi kepentingan harmoni di antara agama," katanya dalam resolusi yang salinannya dibacakan kepada AFP oleh pegawai Parlimen.

Di Amman, aktivis Islam aliran utama di Jordan memberi amaran kenyataan seum-

Komen Pope Benedict

VATICAN CITY 15 Sept. - Pope Benedict XVI tidak berniat menyinggung perasaan penganut Islam berhubung kenyataannya tentang jihad, kata jurucakap Vatikan, malam tadi bagi mempertahankan beliau yang telah membangkitkan kemarahan dunia Islam berikutan kenyataannya ketika mengunjungi Jerman.

"Jelas sekali, ia bukanlah niat untuk

menjalankan pemeriksaan tentang jihad dan bagi penganut Islam, ia lebih kepada menyinggung perasaan dan kepercayaan mereka," kata jurucakap Vatikan, Rev. Federico Lombardi, yang menemani Pope Benedict sepanjang lawatan itu, dalam kenyataannya selepas Pope Benedict tiba di Rom.



POPE BENEDICT

pama itu hanya akan menambah perselisihan antara Islam dan Barat dan memerlukan rasa benci yang mendalam terhadap pengikut kepercayaan masing-masing.

Ketua Majlis Syura Barisan Tindakan Islam, Sheikh Hamza Mansour berkata, hanya kemaafan peribadi boleh membaiki "penghinaan yang dibuat dalam komen provokatif" terhadap berbilion penganut Islam itu.

Organisasi berpengaruh di negara Arab, Persaudaraan Islam, melalui ketuanya, Mohamed Mahdi Akef berkata, Pope Benedict telah membangkitkan kemarahan seluruh dunia Islam dan memperkukuhkan perdebatan yang mengatakan Barat bermusuhan dengan apa-apa yang berkaitan dengan Islam.

Di Turki, agensi berita *Anatolia*, memetik Ketua Pengarah Hubungan Hal Ehwal

Agama, Ali Bardakoglu sebagai berkata, kenyataan tersebut "amat dikesali."

Ali yang mengawal semua imam di Turki dan menghantar pemimpin solat ke seluruh dunia, turut mengingatkan semula tentang kekejaman yang pernah dilakukan oleh Roman Katolik semasa zaman Pertengahan atas nama memerangi Kristian Ortodoks, Yahudi dan Islam.

Di Qatar, cendekiawan Islam terkenal, Sheikh Youssef al-Qaradawi menolak komen Pope Benedict dan mengatakan Islam adalah agama yang mementingkan kedamaian dan mempunyai sebab bagi setiap tindakan.

Di Gaza, Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh memberitahu, gereja Katolik seharusnya berhenti daripada "menyerang Islam."

- Agensi